

Polis sahkan PM tidak langgar undang2

7 AUG 1989

KUALA LUMPUR, Selasa — Polis tidak akan menyiasat atau mengambil tindakan ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memandu kenderaan yang tidak bernombor pendaftaran, cukai jalan dan insurans di jambatan Pulau Pinang, Sabtu lalu.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk H B Almeida berkata, tidak menjadi kesalahan bagi Perdana Menteri memandu kereta itu di jambatan yang belum diwartakan untuk laluan orang ramai.

Sekiranya jambatan itu telah diwartakan, polis boleh mengambil tindakan, jelasnya.

Sebagai contoh katanya, polis tidak boleh mengambil tindakan ke atas mereka yang memandu kenderaan dalam kawasan rumahnya walaupun dia tidak mempunyai lesen dan sebagainya.

Contoh

Ini kerana kawasan rumah itu adalah miliknya, bukan kawasan orang ramai," jelasnya.

Katanya, pada hari ujian jambatan dan kereta itu, Perdana Menteri dikawal oleh anggota-anggota polis dan itu tentunya tidak mengancam keselamatan orang ramai.

Datuk Almeida berkata, Pengerusi DAP, Cawangan Sungai Pinang, Encik Chew Seng Poh telah membuat aduan meminta polis menyiasat kes Perdana Menteri memandu kereta nasional Proton Saga tanpa nombor pendaftaran, cukai jalan dan insurans.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pengangkutan, Cik Omi Habibah Haji Shariff juga berkata, ujian yang dilakukan oleh Perdana Menteri tidak menyalahi undang-undang.